



**BAB DUA**

## BAB DUA : PENGURUSAN JENAZAH MENGIKUT PANDANGAN FUQAHĀ

### 2.1 Pendahuluan.

Apabila seseorang muslim meninggal dunia, maka akan menjadi Fardhu Kifayah ke atas orang yang masih hidup menyelenggarakan empat perkara iaitu memandikan, mengafankan, menyembahyangkan dan mengkebumikannya.

Keempat-empat perkara ini mestilah disempurnakan segera kecuali orang yang mati syahid dalam perperangan melawan orang-orang kafir kerana mereka tidak perlu dimandi dan disembahyangkan<sup>1</sup>. Abū Syujā' menambah seperti yang dinukilkhan di dalam kitab *Kifāyah al-Akhyār* bahawa bayi yang meninggal dunia kerana keguguran dan lahirnya tidak menangis juga tidak perlu dimandi dan disembahyangkan<sup>2</sup>. Bagi mereka yang meninggal dunia kerana mati syahid hendaklah dikebumikan bersama pakaian yang dipakai sewaktu kematiannya. Kedua-dua golongan ini tidak perlu dimandi dan disembahyangkan<sup>3</sup>.

Dalil yang menunjukkan bahawa orang yang mati syahid itu tidak dimandi dan disembahyangkan ialah merujuk kepada hadith yang diriwayatkan oleh Anas bin Mālik, bahawa Nabi s.a.w bersabda :

إِنْ شَهَدَ أَحَدٌ لَمْ يَغْسُلُ وَدُفِنَ بِدِمَائِهِمْ وَلَمْ يَصُلْ عَلَيْهِمْ رِوَاةُ أَبِي دَاؤِدِ

bermaksud : sesungguhnya syuhada' perang Uhud tidak dimandikan dan disembahyangkan dan dikebumikan bersama-sama darah mereka (riwayat Abū Dāūd)<sup>4</sup>.

Di dalam satu hadith lain, Rasulullah s.a.w. bersabda yang turut berkaitan dengan syuhada' perang Uhud bahawa mereka hendaklah dikebumikan tanpa dimandi dan disembahyangkan :

إدفنوهم في دمائهم رواه البخاري

maksudnya : *kebumikanlah bersama-sama darah mereka* ( Riwayat al-Bukhārī )<sup>5</sup>.

Apabila diyakini seseorang itu telah meninggal dunia hendaklah ditutup kedua-dua matanya sambil dibaca بسم الله و على ملة رسول الله . Sendi si mati hendaklah dilembutkan, ditukar pakaianya dan ditutup badannya dengan kain nipis, diletakkan di atas badannya benda ringan seperti besi yang beratnya lebih kurang tiga atau empat tahlil bagi mengelakkan dari kembung perutnya. Si mati hendaklah dibaringkan di atas katil atau di tempat yang tinggi. Bahagian muka iaitu daripada dagu ke kepala si mati diikat bagi mengelakkan dari terbuka mulutnya. Hadapkan badan si mati menghadap ke arah qiblat<sup>6</sup>. Al-Zuhayli menyebut adalah harus dinyalakan perasapan seperti setanggi berdekatan dengan tempat mayat diletakkan<sup>7</sup>.

Segala hutang puitang si mati hendaklah dilangsakan segera oleh waris dan wasiatnya juga dilaksanakan. Orang yang menziarahi si mati digalakkan menyebut segala kebaikannya. Amalan mengucup muka si mati dibolehkan berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w. Di waktu ini juga syarak membenarkan amalan menghebahkan kematian kepada orang ramai agar diketahui oleh orang ramai dan hukumnya adalah sunat<sup>8</sup>. Ini untuk memberi peluang kepada mereka menziarahi jenazah dan menyembahyangkan jenazah

tersebut. Pendapat Mazhab Ḥanbali menyatakan bahawa hebahan itu hukumnya harus dan dilarang menguatkan suara ketika hebahan dilakukan.<sup>9</sup> Rasulullah s.a.w. pernah mengumumkan kepada para sahabatnya tentang kematian raja Najāsyī̄ di hari beliau meninggal dunia dan baginda juga pernah mengumumkan kepada orang ramai dengan kematian Ja'afar bin Abī Tālib, Zaid bin Ḥārithah dan 'Abd Allah bin Rawāḥah.<sup>10</sup>

## **2.2 Memandikan mayat.**

Memandikan mayat hukumnya fardhu kifayah. Apabila dilaksanakan oleh sebahagian anggota masyarakat, akan terlepaslah dosa sekalian orang masyarakat yang lain<sup>11</sup>.

Terdapat beberapa syarat mayat yang hendak dimandikan iaitu :

1. mayat itu orang yang beragama Islam
2. bukannya mati sebelum dilahirkan (mati seawaktu dilahirkan dengan tiada langsung suara tangisan). Jika meninggal dunia selepas dilahirkan dan ada suara tangisannya, maka hendaklah dimandikan.
3. ada terdapatnya anggota si mati walaupun sedikit
4. bukan mati syahid melawan orang-orang kafir.<sup>12</sup> Tidak boleh memandikan orang yang mati syahid walaupun ia dalam keadaan berjunub seperti yang berlaku kepada Hanzalah. Mudah-mudahan mereka bertemu dengan Allah di Padang Mahsyar dalam

keadaan luka yang masih ada sebagai tanda dia benar-benar berperang di jalan Allah dan bau darahnya itu seharum bauan kasturi<sup>13</sup>.

Orang yang meninggal dunia kerana sakit taun, lemas tenggelam, terbakar, mangsa runtuhan dan perempuan mati bersalin juga dianggap mati syahid tetapi golongan ini hendaklah disempurnakan jenazahnya sama seperti orang biasa yang meninggal dunia<sup>14</sup>.

Urusan memandikan mayat hendaklah dilakukan segera selepas diyakini bahawa si mati benar-benar telah meninggal dunia. Sebelum dimandikan, anggota badan mestilah dibersihkan dari segala kotoran atau najis. Tempat memandikan mayat hendaklah terlindung daripada pandangan manusia yang tidak boleh dimasuki oleh sesiapa kecuali orang yang memandikan mayat, para pembantu dan waris si mati. Kedudukan mayat ditempatkan di tempat yang sedikit tinggi bagi memudahkan urusan memandikan, manakala kepalanya ditinggikan sedikit bagi memudahkan air mandian turun rata melalui badan si mati<sup>15</sup>.

Semasa memandikan mayat, auratnya hendaklah ditutup<sup>16</sup>. Haram kepada orang ramai malah pemandi mayat sekalipun melihat atau menyentuh aurat si mati. Sewaktu memandikan, hendaklah pemandi memakai sarung tangan apabila mengembasuh bahagian aurat si mati. Setelah diletakkan di tempat permandian, dudukkan si mayat, sandarkan belakangnya dengan lutut sebelah kanan, dipegang tengkuknya dengan jari-jari kanan supaya tidak rebah kepalanya. Perut mayat digosok sambil ditekankan sedikit dengan

menggunakan tangan kanan supaya keluar kotoran dari dalam perutnya. Perbuatan ini diikuti dengan air dan harum-haruman agar menghilangkan bau kotoran yang keluar<sup>17</sup>.

Kemudian mayat hendaklah ditelentangkan dan dijirus air dengan tangan kiri sambil memakai sarung tangan. Kemudian gunakan sarung tangan lain untuk memasukkan anak jari ke dalam mulut mayat untuk digosok gigi dan dibersihkan mulutnya. Selepas itu, bolehlah diwudhu'kan si mati<sup>18</sup>. Ini menurut hadith Nabi s.a.w. yang menyuruh kepada kaum wanita yang memandikan jenazah seorang puterinya sepetimana sabda Baginda s.a.w daripada Ummu Atiyyah :

إبْدَأْنَ بِعِيَامَنَهَا وَمَوَاضِعَ الْوَضُوءِ مِنْهَا رَوَاهُ الْبَخَارِيُّ وَالْتَّرمِذِيُّ وَالْمُسْلِمُ

داود و النسائي و ابن ماجه

bermaksud : *mulakan dengan kanannya dan tempat-tempat wudhu'nya* ( Riwayat al-Bukhāri, Muslim, at-Tirmidzī, Abū Dāūd al-Nasā'i'e dan Ibn Mājah )<sup>19</sup>.

Para imam mazhab bersepakat bahawa sunat pemandi mengambil wudhu' untuk jenazah sama seperti wudhu' yang diambil oleh orang yang masih hidup kecuali jika mayat itu adalah kanak-kanak kecil<sup>20</sup>. Tidak perlu dikumurkan atau dimasukkan air ke dalam hidung mayat. Namun mengikut pendapat ulama Mazhab Mālikī dan Syāfi'i, boleh dimasukkan sedikit air ke dalam mulut mayat ketika mencondongkan kepala mayat<sup>21</sup>. Namun Ibn Rusyd di dalam kitabnya *Bidāyah al-Mujtahid* menyebut bahawa Imam Abū Ḥanīfah berpendapat bahawa mayat tidak perlu diwudhu'kan<sup>22</sup>.

Selepas diwudhu'kan mayat, basuh kepalanya dan sikatkan rambutnya dan janggutnya perlahan-lahan. Kemudian dibasuh sebelah kanan dan kiri mayat, kemudian dibaringkan ke sebelah kiri mayat untuk dibasuh bahagian kanannya pula. Setelah selesai dibasuh, baringkan pula ke sebelah kanan mayat untuk dibasuh bahagian kirinya. Sunat diulang setiap kali basuhan itu sebanyak tiga kali<sup>23</sup>. Malah jika diulang mandi sebanyak lima atau tujuh kali pun dibolehkan jika dikhuatiri cucian yang masih belum sempurna atau masih belum diyakini kebersihannya<sup>24</sup>. Ini berdasarkan kepada hadith Rasulullah s.a.w. :

اغسلها و ترا ثلثا او خمسا او سبعا او أكثر من ذلك إن رأين رواه البخاري

و مسلم و ابو داود و الترمذی و النسائی

maksudnya : *mandikanlah dia dengan bilangan yang ganjil, tiga, lima, tujuh atau lebih jika kamu fikir ianya perlu* (Riwayat al-Bukhārī, Muslim, Abū Dāūd, al-Tirmidzī dan al-Naṣā'ī)<sup>25</sup>.

Imam Mālik bin Anas dan Ibn. Sirīn berpendapat bahawa bilangan untuk memandikan mayat ialah dengan bilangan ganjil tanpa menentukan batasan berapa kali hendak memandikannya. Manakala Imam Ahmad bin Ḥanbal membatasi dengan bilangan paling banyak ialah tujuh kali dan tidak boleh lebih dari itu<sup>26</sup>.

Air yang digunakan untuk memandikan mayat adalah air bersih dan air yang dicampur dengan wangian seperti bidara dan kapur barus<sup>27</sup>. Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah s.a.w. daripada ibn. 'Abbās :

ان النبي صلی الله علیہ وسلم قال في الذي سقط عن راحلته فمات اغسلوه بماء و سدر

bermaksud : *bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda bahawa orang yang mati kerana terjatuh dari kenderaannya, mandikanlah dia dengan air serta dengan air bidara*<sup>28</sup>.

Penggunaan wangian lain seperti sabun juga dibolehkan dan tidaklah menjadi satu larangan<sup>29</sup>.

Di dalam hadith lain, Nabi s.a.w. bersabda kepada para wanita yang memandikan puterinya Zainab :

اغسلنها ثلاثة او خمسا او اكثر من ذلك ان رأيتم ذلك بماء و سدر و جعلن في الآخرة

كافورا او شيئا من كافور رواه البخاري و النسائي و ابن ماجه

maksudnya : *mandikanlah dia dengan tiga kali atau lima kali atau lebih daripada itu jika kamu sekelian menganggapnya baik. Mandikanlah dengan air dan daun bidara dan pada yang terakhir sempurnakanlah dengan kapur atau sedikit dari kapur* (riwayat al-Bukhārī, al-Nasā'i' dan Ibn Mājah)<sup>30</sup>.

Setelah dimandikan, badan mayat hendaklah dikeringkan dengan kain dan ditaruh bahan bauan seperti minyak atau sesuatu yang mengandungi bahan bauan di kepala dan janggutnya manakala kapur barus diletakkan pada anggota sujud mayat iaitu dahi, hidung, dua tapak tangan, dua lutut dan kaki<sup>31</sup>.

Berhubung dengan persoalan mandi mayat ini, para fuqaha sepakat menyatakan bahawa orang lelaki boleh memandikan mayat lelaki manakala orang

perempuanlah yang layak memandikan mayat perempuan. *Jumhur* (majoriti) ulama juga sepakat bahawa isteri boleh memandikan mayat suaminya yang meninggal dunia. Tetapi mereka berselisih pendapat tentang persoalan bolehkah suami memandikan mayat isteri. *Jumhur* ulama membolehkannya, tetapi Imam Abū Hanifah berpendapat bahawa suami tidak boleh memandikan isterinya<sup>32</sup>. Mengikut Mazhab Syāfi'i, suami boleh memandikan mayat kaum perempuan dengan tiga sebab iaitu kerana perkahwinan, mahramnya<sup>33</sup> dan tuan terhadap hamba<sup>34</sup>. Sunat hukumnya mengucup muka orang soleh dan ahli keluarga si mati manakala yang selain dari mereka itu hukumnya adalah harus<sup>35</sup>.

### 2.3 Mengkafan mayat

Hukum mengkafan mayat selepas dimandikan ialah fardhu kifayah<sup>36</sup>. Ini berdasarkan kepada sabda Nabi s.a.w. daripada Ibn. ‘Abbās :

كتبته في ثوبين رواه البخاري

maksudnya : *kafankannya di dalam dua lapis kainnya* (riwayat al-Bukhārī.)<sup>37</sup>

‘Āisyah ada meriwayatkan satu hadith lain iaitu :

ان رسول الله صلى الله عليه وسلم كُفِنَ فِي ثَلَاثَةِ أَثْوَابٍ يَمَانِيَّةٍ بِيَضْ سَحْوَلِيَّةٍ مِنْ كَرْسِفٍ

ليس فيهن قميص ولا عمامه رواه البخاري و مسلم و الترمذى و ابو داود

و النسائي و ابن ماجه

maksudnya : sesungguhnya Rasulullah s.a.w. dikafani dalam tiga lembar kain yaman yang putih bersih tidak ada padanya baju maupun serban (riwayat al-Bukhari, Muslim, al-Tirmidzi, Abū Dāud, al-Nasai'e dan Ibn Mājah) <sup>38</sup>.

Perbelanjaan kafan adalah diambil dari pada harta peringgalan si mati ( selepas didahului perbelanjaan berkaitan hutang dan wasiat) tidak termasuk harta yang menjadi hak orang lain seperti barang gadai. Jika si mati tidak mempunyai harta, maka perbelanjaan tadi ditanggung oleh orang yang menanggung nafkah si mati semasa hayatnya. Jika tiada seorang pun yang wajib menanggung perbelanjaan pengurusan si mati, maka hendaklah diambil dari baitulmal jika ada, dan jika tiada harta baitulmal, maka ia ditanggung oleh masyarakat Islam yang berkemampuan <sup>39</sup>.

Sesudah dimandikan, mayat hendaklah dikafankan dengan sesuatu yang harus dipakainya se masa hidup seperti padaian di hari Jumat atau hari raya <sup>40</sup>. Tidak harus dikafankan mayat lelaki dengan kain sutera, sebaliknya harus bagi mayat wanita <sup>41</sup>.

Sekurang-kurang kafan itu ialah sehelai kain yang menutupi keseluruhan badan mayat kecuali muka, manakala bilangan paling banyak ialah tujuh helai. Bilangan yang afdhal kain kafan lelaki ialah tiga helai tanpa baju dan serban sebagaimana hadith riwayat 'Aisyah yang telah dinyatakan sebelum ini.

Al-Sarakhsyi menyebut bahawa sunat dikafan dengan bilangan helai kain yang ganjil berdasarkan kepada hadith bahawa Allah S.W.T. itu ganjil dan Dia menyukai yang ganjil <sup>42</sup>.

Harus dikafarkan dengan empat dan lima lapis dengan menambah baju dan serban di bawah kain-kain tadi kerana Ibn ‘Umar mengkafarkan anaknya dengan lima lapis iaitu baju dan serban dan tiga lapis kain lain. Manakala bilangan kain kafan yang afdal bagi mayat wanita dan khunsa ialah lima lapis kain iaitu sarung, baju, kain tutup muka dan kepala, dua lapis kain yang menutup seluruh badannya, sebagai tambahan kepada haknya. Makruh hukumnya jika helaian kain lebih dari bilangan itu<sup>43</sup>.

Cara kafan ialah dengan menghamparkan terlebih dahulu kain panjang yang terbaik dan yang paling besar, kemudian kain panjang yang kedua di atasnya dan kemudian helaian yang ketiga. Di setiap helaian kain itu ditaburkan dengan bau-bauan atau air wangi seperti cendana dan kapur barus. Kemudian diletakkan mayat di atasnya secara terlentang dan ditaruh di atas mayat bau-bauan yang sama. Letakkan kedua-dua tangannya di atas dada iaitu tangan kanan di atas tangan kirinya. Kemudian bolehlah dibalut mengikut helain kain yang paling dalam<sup>44</sup>.

Terdapat beberapa perkara yang sunat dilakukan ketika mengkafan mayat antaranya :

1. Menggunakan kain kafan berwarna putih<sup>45</sup>. Sabda Rasulullah s.a.w. :

البسو من ثيابكم البياض فانما من خير ثيابكم و كفتوها فيها موتاكم رواه الترمذى و

المسائى

maksudnya : *pakailah pakaianmu yang putih, sesungguhnya ia daripada sebaik-baik pakaianmu dan kafarkan orang kamu yang mati dari kalangan kamu dengan kain putih* (riwayat at-Tirmidhi dan al-Nasai’)<sup>46</sup>.

2. Sunat dilekapkan kapas pada semua lubang (kedua-dua mata, hidung, mulut, kedua-dua telinga dan lubang keluar najis), pada semua anggota sujudnya (dahi, serta kedua-dua kakinya, kedua-dua tapak tangan, kedua-dua lutut dan jari-jari dan di semua tempat-tempat tersembunyi (kedua-dua ketiak, bawah lipatan kedua-dua lutut, hidung dan belakang kedua-dua telinga)
3. Kain kafan lebih dari selapis.
4. Bilangan kain kafan yang ganjil
5. Mengelokkan kafan tanpa berlebih-lebih<sup>47</sup> berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w. :

اذا ولي احدكم ائمه فليحسن كفنه رواه مسلم و الترمذى و ابو داود و النسائي

و ابن ماجه

maksudnya : *apabila salah seorang daripada kamu menguruskan saudaranya, hendaklah ia mengelokkan kafannya itu* (riwayat Muslim, al-Tirmidzi, Abū Dāūd al-Nasā'i' e dan Ibn. Mājah) <sup>48</sup>.

Menurut pendapat ulama Ḥanāfi<sup>i</sup> dan Mālikī, mengelokkan kafan itu ialah dengan menggunakan kain-kain yang baik seperti pakaian yang diharuskan dan yang dipakai pada hari Jumaat, supaya mendapat berkat dengan pakaian yang menjadi saksi terhadap kebaikannya itu. Menurut pendapat ulama Ḥanbalī, wajib dikafangkan dengan kain-kain seperti yang dipakai pada hari Jumaat dan hari raya berdasarkan suruhan syarak supaya mengelokkannya.

Manakala menurut pendapat ulama Syāfi'i<sup>i</sup> pula, sunat dihamparkan sebaik-baik kafan dengan selebar-lebarnya kerana maksud kafan yang elok ialah dikafangkan dengan kain putih, bersih, sempurna dan tebal, bukannya yang mahal harganya, kerana makruh

berlebih-lebihan, membazir dan dilarang agama. Kain yang dibasuh adalah lebih afdal daripada kain yang baru kerana ia akan hancur dan kain kapas lebih afdal daripada yang lain kerana Rasulullah s.a.w. dikafankan begitu.

Semua fuqaha sepakat tentang tidak boleh berlebih-lebihan kafan berdasarkan sabda Nabi s.a.w. :

لَا تغَالُوا فِي الْكُفُنْ، فَإِنَّهُ يَسْلِبُهُ سُرِيعًا رَوَاهُ أَبُو دَاود

maksudnya : *jangan kamu berlebih-lebihan memilih kain yang mahal untuk kafan, kerana sesungguhnya kain itu akan hancur dengan segera* (riwayat Abū Dāūd)<sup>49</sup>.

## 2.4 Menyembahyangkan Jenazah

Para ulama telah bersepakat menyatakan bahawa sembahyang ke atas jenazah yang bukan mati syahid adalah fardhu kifayah.<sup>50</sup> Jika ditunaikan oleh beberapa orang sekalipun seorang, maka tergugurlah kefardhuan itu daripada orang lain. Tidak boleh disembahyangkan mayat orang kafir samada kafir *harbi*<sup>7</sup> mahupun *dhimmi*<sup>7</sup><sup>51</sup>. Ketika hendak menunaikan sembahyang tersebut, hendaklah diseru dengan *الصلوة على الميت*<sup>52</sup>.

### Rukun-rukun sembahyang mayat menurut pendapat mazhab Syāfi'i<sup>53</sup>

Rukun-rukun sembahyang mayat ada tujuh perkara :

1. Niat iaitu meniatkan sembahyang ke atas mayat ini. Tidak wajib ditentukan mayat, kerana jika ditentukan dan kemudian ternyata silap, maka terbatal sembahyangnya.
2. Berdiri betul jika berupaya sebagaimana dalam sembahyang fardhu yang lain.
3. Dilakukan dengan empat takbir termasuk takbir yang pertama (takbiratul ihram). Ini berdasarkan riwayat hadith al-Bukhārī dan Muslim daripada Abū Hurayrah yang menyatakan bahawa Nabi s.a.w. bertakbir sebanyak empat takbir sewaktu menyembahyangkan mayat Najāsyī.

ان رسول الله صلی اللہ علیہ وسلم نعی النحاشی فی الیوم الذي مات فيه و خرج بهم

الى المصلى فصف بهم و كبر عليه اربع تكبيرات رواه البخاري و مسلم و النسائي

maksudnya : *bahawa Rasulullah s.a.w. memberitahu tentang kematian al-Najāsyī pada hari kematianya, lalu Baginda keluar menuju ke musalla dan mendirikan sembahyang dengan empat takbir (riwayat al-Bukhārī, Muslim dan al-Nasā'ī'e )*<sup>54</sup>

4. Salam selepas selesai semua takbir.
5. Membaca al-Fātiḥah sesudah takbir pertama. Ini berdalilkan kepada riwayat ‘Abd Allāh bin ‘Auf yang menyembahyangkan jenazah di belakang Ibn ‘Abbās :

صليت خلف ابن عباس رضي الله عنهمَا على حنazaة فقرأ بفاتحة الكتاب قال ليعلموا اهنا

سنة رواه البخاري

maksudnya : *aku sembahyang jenazah di belakang Ibn. 'Abbās dan beliau membaca al-Fatiḥah dan berkata ketahuilah bahawa ia adalah sunnah (riwayat al-Bukhārī.)*<sup>55</sup>

6. Membaca selawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w. sesudah takbir yang kedua ( seperti takbir dalam tahiyyat akhir solat ). Tidak diwajibkan berselawat ke atas keluarga Nabi s.a.w.
7. Mendoakan mayat sesudah takbir yang ketiga. Ini berdasarkan kepada hadith daripada Abū Hurayrah :

إذا صليتم على الميت فاخلصوا له الدعاء رواه ابو داود و ابن ماجه

maksudnya : *apabila kamu menyembahyangkan mayat, hendaklah ikhlaskan doa untuknya* (riwayat Abū Dāūd dan Ibn. Mājah)<sup>56</sup>.

Tidak perlu ditentukan mana-mana doa bagi si mati, tetapi sunat dibacakan doa yang *ma'thūr* seperti :

اللهم اغفر له وارحمه واعف عنه واكرم نزله وسع مدخله واغسله بالماء و

الثلج والبرد ونقه من الخطايا كما نقيت الثوب الابيض من الدنس وابدله دارا خيرا

من داره واهلا خيرا من اهله وروحا خيرا من زوجه وادخله الجنة واعنده من

عذاب القبر او من عذاب النار رواه مسلم

Doa tersebut dibaca oleh Nabi s.a.w. sepetimana yang dihafal oleh 'Auf bin Mālik yang mendengar daripada bacaan Rasulullah s.a.w.<sup>57</sup>

Nabi juga pernah membaca doa ini<sup>58</sup> :

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِحِينَا وَ مِنْتَنَا وَ صَغِيرِنَا وَ كَبِيرِنَا وَ ذَكْرِنَا وَ إِنَاثِنَا وَ شَاهِدِنَا وَ غَائِبِنَا اللَّهُمَّ احْيِنَا فَاحْيِنَا عَلَى الْإِيمَانِ وَ مِنْ تَوْفِيقِنَا مِنَا فَتَوَفَّنَا عَلَى الْإِسْلَامِ رَوَاهُ

ابو داود و الترمذی و ابن ماجه

Sunat dipanjangkan doa selepas takbir ke empat seperti doa<sup>59</sup> :

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ وَ لَا تَفْتَنْنَا بَعْدَهُ

#### **Beberapa perkara sunat sembahyang mayat<sup>60</sup>**

1. Mengangkat kedua belah tangan hingga setara dengan bahu semasa takbir dan meletakkannya di bawah paras dada.
2. Merendahkan suara bacaan dalam sembahyang.
3. Menyamakan *saf* atau barisan sembahyang sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi s.a.w. semasa menyembahyangkan jenazah al-Najāsyī.
4. Bertahmid sebelum selawat ke atas Nabi.
5. Berdoa untuk orang beriman lelaki dan perempuan selepas selawat ke atas Nabi.
6. Memberi salam yang ke dua.

7. Dilakukan secara berjemaah. Sabda Nabi s.a.w. daripada ‘Āishah :

سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول ما من رجل مسلم يموت فيقوم على

جنازته اربعين رجلا لا يشركون بالله شيئا الا شفعهم الله فيه رواه مسلم

maksudnya : *aku mendengar Rasulallah s.a.w. bersabda, orang Islam yang meninggal dunia, lalu disembahyangkan jenazahnya oleh 40 orang lelaki yang tidak musyrik, maka Allah akan memberi syafaat kepada mereka* (riwayat Muslim) <sup>61</sup>.

8. Melakukannya dengan tiga *saf* (barisan) berdasarkan sabda Nabi s.a.w. :

ما من ميت فيصلني عليه ثلاثة صورف من المسلمين الا ووجب رواه ابو داود

و ابن ماجه

maksudnya : *mana-mana orang mukmin yang meninggal dunia dan disembahyangkan dengan tiga saf dari kalangan orang Islam, maka wajib baginya syurga* (riwayat Abū Dāūd dan Ibn. Mājah) <sup>62</sup>.

### Tempat imam berdiri.

Menurut pendapat ulama Syāfi’i, sunat bagi imam atau orang yang bersembahyang bersendirian berdiri setentang dengan kepala mayat lelaki dan setentang dengan pinggang jika mayat itu perempuan <sup>63</sup>. Ini berdasarkan kepada riwayat daripada Samūrah b. Jundab :

صلب وراء النبي صلى الله عليه وسلم على امرأة ماتت في نفاسها فقام عليه وسطها

رواه البخاري و مسلم و ابو داود و الترمذی

maksudnya : *aku sembahyang dengan mengikut Nabi s.a.w. ke atas jenazah perempuan yang mati semasa nifas, lalu Baginda berdiri setentang dengan bahagian tengah tubuh mayat itu ( pinggangnya ) (riwayat al-Bukhārī, Muslim, Abū Dāūd dan al-Tirmidzī).<sup>64</sup>*

Di dalam hadith Abū Ghālib al-Hannāt, beliau telah menyembahyangkan mayat 'Abd Allāh bin 'Umair di belakang Anas bin Mālik :

شهدت أنس بن مالك صلى الله عليه رحمةه رجل فقام عند رأسه فلما رفعت اتى بحنازة

امراة فصلى الله عليه فقام وسطها وفيها العلاء بن زياد العلوى فلما رأى اختلاف

قيامه على الرجل و المرأة، قال يا ابا حمزة هكذا كان رسول الله صلى الله عليه

وسلم يقوم من الرجل حيث قمت و من المرأة حيث قمت؟ قال نعم

maksudnya : *aku melihat Anas bin Mālik menyembahyangkan jenazah lelaki, ia berdiri setentang dengan kepala lelaki. Apabila diangkat jenazah itu dan dibawa pula jenazah perempuan lalu beliau menyembahyangkannya, kali ini beliau berdiri setentang dengan bahagian tengah (pinggang) jenazah. Bersama-sama kami ketika itu ialah al-'Alā bin Ziyād al-'Alawī. Apabila ia melihat perbezaan tempat berdiri (Anas) semasa menyembahyangkan jenazah lelaki dengan jenazah perempuan, dia pun bertanya, wahai Abū Hamzah, begitukah Rasulullah berdiri semasa menyembahyangkan jenazah lelaki dan perempuan seperti yang engkau lakukan itu ? lalu beliau menjawab, ya<sup>65</sup>.*

## 2.5 Mengkebumikan mayat.

Kewajiban yang keempat terhadap mayat ialah mengebumikannya. Ia adalah fardhu kifayah terhadap orang-orang yang masih hidup<sup>66</sup>. Dalam kitab *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhū*, karangan al-Zuhaylī ada menyebut beberapa sifat kubur bagi mengkebumikan mayat seperti mana yang dipetik daripada sunnah Nabi s.a.w. di antaranya ialah<sup>67</sup>:

1. Sekurang-kurang penggalian kubur ialah untuk mengelakkan bau dan binatang buas daripada membongkarnya untuk memakan mayat<sup>68</sup>. Ini adalah kerana hikmat diwajibkan pengkebumian jenazah untuk menjaga kehormatannya daripada berbau, jijikan dan dimakan binatang.
2. Menurut pendapat *jumhur* selain ulama Mālikī, sunat diperluaskan kubur (panjang dan lebar) dan mendalamkannya<sup>69</sup>. Ini berdasarkan sabda Nabi s.a.w. mengenai mangsa Perang Uhud :

احفروا و اسعوا و اعمقوا رواه ابو داود و النسائي

maksudnya : *galilah, luaskanlah dan dalamkanlah* ( riwayat Abū Dāūd dan al-Nasā'ī<sup>70</sup>).

Mendalamkan kubur dapat mengelakkan daripada merebak bau yang memudharatkan orang yang masih hidup dan supaya tidak dapat dibongkar oleh binatang buas.

Ukuran bagi kubur menurut pendapat ulama Syāfi'i ialah sekadar tinggi berdiri dan satu hasta ukuran lelaki biasa iaitu berdiri dan mengangkat kedua-dua tangan (seperunjung), kerana 'Umar al-Khaṭṭāb r.a mewasiatkan sedemikian dan tiada seorang pun yang membantahnya. Ukuran ini sama dengan empat hasta setengah<sup>71</sup>.

3. Liang lahad adalah lebih afdal daripada liang tengah<sup>72</sup>. Ini berdasarkan kepada hadith Nabi s.a.w. daripada Ibn. 'Abbās :

اللحد لنا و الشق لغيرنا رواه ابو داود والترمذى و النسائى و ابن ماجه

maksudnya : *liang lahad adalah bagi kita (orang Islam) dan liang tengah bagi orang lain (bukan Islam)* (riwayat Abū Dāūd, al-Tarmidhī, al-Nasā'i'e dan Ibn. Mājah)<sup>73</sup>.

Liang lahad ialah rongga atau ruang yang digali di sebelah kiblat di dalam liang kubur, tempat diletakkan mayat, luasnya secukup-cukup untuk mayat dan melindunginya.

Menurut pendapat ulama Syāfi'i dan Ḥanbalī, wajib meletak mayat ke dalam kubur dengan menghadap ke arah kiblat<sup>74</sup>, sementara menurut pendapat ulama' Mālikī dan Ḥanafī, perkara itu adalah sunat sahaja dan menyandarkan mukanya ke arah dinding kubur dan belakangnya disandar dengan ketul-ketul tanah atau sebagainya supaya tidak terbalik telentang. Beginilah cara yang diajar oleh Nabi s.a.w. dan Baginda sendiri dikebumikan sedemikian<sup>75</sup>.

Ketul-ketul tanah (batu-bata yang mentah) diletak ke atas liang lahad dengan menutup daripada bahagian kubur dan meletak ketul-ketul tanah di dalamnya sebagai menjaga mukanya daripada ditindih oleh tanah, berdasarkan perkataan Sa'd “dan letaklah ketul-ketul tanah ke atas ku”<sup>76</sup>. Kemudian dimasukkan tanah ke atas kubur bagi melindunginya dan menjaganya.

4. Sunat bagi orang yang hadir meraup tanah dan memasukkannya ke dalam kubur daripada bahagian kepala atau bahagian lain sebanyak tiga raup sebelum ditimbuskan tanah ke atasnya. Ini berdasarkan kepada hadith riwayat Abū Hurayrah :

ان النبي صلی الله علیہ وسلم صلی علی جنازة ثم أتى قبر الميت فحثی علیه

قبل رأسه ثلاثة — رواه ابن ماجه

maksudnya : *bahawa Nabi s.a.w. menyembahyangkan jenazah kemudian datang ke kubur mayat lalu memasukkan tanah sebanyak tiga raup ke atasnya daripada bahagian kepala ( riwayat Ibn Mājah)*<sup>77</sup>

5. Meninggikan kubur sekadar sejengkal sahaja sebagai tanda kubur, kerana Imām al-Syāfi'i ada meriwayatkan daripada Jābir bahawa ditinggikan kubur Nabi sekadar sejengkal sahaja<sup>78</sup>. Ini disebut oleh Imam an-Nawawī di dalam kitab *Syarḥ Sahīh Muslim*. Walaupun ada hadith yang menyebut bahawa tanah kubur itu diratakan sahaja, tetapi ia boleh ditinggikan kadar sejengkal supaya diketahui oleh orang ramai bahawa itu adalah kubur. Inilah yang menjadi pegangan mazhab Syāfi'i<sup>79</sup>.

6. Menurut pendapat *jumhur*, afdal ditambahkan kubur secara melengkung daripada ditambak secara segi empat<sup>80</sup> berdasarkan kepada perkataan Sufyān al-Tamar yang bermaksud “aku lihat kubur Nabi s.a.w. ditanam secara melengkung”. Tetapi menurut pendapat ulama Syāfi’ī, yang sahīh ialah menambak kubur cara segi empat itu adalah lebih *awla* (utama) daripada menambahkannya secara melengkung sebagaimana yang dibuat pada kubur Nabi s.a.w. dan kubur kedua orang sahabatnya.
  
7. Makruh menyapu kapur pada kubur, membuat binaan, menulis di atasnya<sup>81</sup>, mendiaminya, mendirikan masjid di atasnya, mengucupnya, mengelilinginya (tawaf), memasang setanggi padanya, mengambil tanah untuk mengubat penyakit, begitu juga makruh menampalkan dengan tanah menurut pendapat ulama’ Ḥanāfi dan Mālikī.

Terdapat hadith yang melarang perbuatan mengapur, duduk dan membuat binaan di atas kubur. Riwayat daripada Jābir menyebut :

نَحْنُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّمَا يَحْصُصُ الْقَرْبَرُ وَإِنْ يَقْعُدَ عَلَيْهِ وَإِنْ

يَبْنَى عَلَيْهِ رَوَاهُ مُسْلِمٌ

maksudnya : *Rasulullah s.a.w. menegah daripada perbuatan mengapur, duduk dan membuat binaan di atas kubur (riwayat Muslim)*<sup>82</sup>.

Makruh juga menghias dan mengukir kubur dan membina sesuatu di atasnya seperti kubah rumah. Jika binaan yang dibuat untuk bermegah-megah atau dibuat

di atas tanah yang dikhususkan untuk wakaf perkuburan, maka hukumnya adalah haram dan hendaklah diruntuhkan binaan itu, kerana bermegah-megah itu adalah satu perbuatan takbur. Sementara pembinaan di atas tanah wakaf hanya akan menyempitkan ruang dan menghalang orang ramai.

Menurut pendapat daripada mazhab Mālikī, tidak menjadi kesalahan jika didirikan dinding di antara kubur sebagai pengenalannya.

Menurut satu pendapat di kalangan ulama' Ḥanāfi, tidak mengapa menampal kubur dengan tanah dan pada zaman ini sudah menjadi kebiasaan orang ramai menambak dengan ketul-ketul tanah bagi melindungi kubur daripada dibongkar dan mereka berpendapat bahawa perkara itu adalah baik kerana ada *al-āṣḥār* menyebut "apa yang dipandang baik oleh orang Islam, maka ia ia baik di sisi Allah". Pendapat ini juga menjadi pegangan ulama' Ḥanbali.

Tulisan atau catatan pada kubur adalah makruh menurut pendapat *jumhur*, samada tulisan nama tuan kubur atau orang lain samada di bahagian kepala atau bahagian lain. Namun menurut pendapat ulama' Ḥanāfi, tidak menjadi kesalahan menulis pada kubur supaya tidak hilang kesan kubur tersebut, kerana kalaulari ianya tidak dibenarkan sudah pasti para ulama mazhab tersebut akan melarangnya sedangkan ada ijma' ulama yang membenarkan bahkan diamalkan dengan agak meluas.

8. Diletakkan anak-anak batu di atas kubur dan batu atau kayu pada bahagian kepalanya. Perbuatan meletakkan batu dan sebagainya adalah untuk mengenali ianya kubur.

Terdapat hadith yang menyebut bahawa Nabi s.a.w. pernah meletakkan batu-batu kecil di atas kubur anaknya Ibrāhīm dan menyiram air di atas kubur itu :

ان رسول الله صلى الله عليه وسلم رش على قبر ابنه ابراهيم و وضع عليه حصاء

maksudnya : *bahawa Rasulullah s.a.w. menyiram air di atas kubur anaknya Ibrāhīm dan meletakkan batu-batu kecil di atasnya*<sup>83</sup>.

Anas bin Mālik r.a pula pernah menyebut bahawa Nabi s.a.w. juga pernah meletakkan batu-batu kecil di atas kubur Othmān bin Ma'zūn<sup>84</sup>.

#### Kaifiat mengkebumikan mayat.<sup>85</sup>

Menurut pendapat ulama' Syāfi'i dan Ḥanbali, sunat dimasukkan mayat ke dalam kubur dari arah kaki jika menyenangkan mereka, kemudian menghulurnya ke dalam kubur<sup>86</sup>. Ini berdasarkan kepada riwayat Ibn. 'Abbās yang menyebut bahawa jenazah Nabi s.a.w. dihulur dari arah kepalanya, kerana cara itu menyenangkan. Ketika hendak memasukkan mayat ke dalam kubur, disunatkan membaca<sup>87</sup>

بِسْمِ اللَّهِ وَعَلَى مُلْكِ رَسُولِ اللَّهِ رَوَاهُ التَّرْمِذِيُّ وَابْنُ مَاجَهٍ

Kemudian diuraikan pengikat kafan di kepala dan kakinya. Ikatan itu dibuat untuk mengelakkan dari terburai, maka dengan pengkebumian itu terselamatlah dari terburai. Diriwayatkan bahawa apabila Na'īm bin Mas'ūd al-Asyā'i dimasukkan ke dalam kubur, Nabi s.a.w. mencabut pengikat kafan dengan mulutnya, begitu juga riwayat daripada Ibn. Mas'ūd dan Samūrah bin Jundab. Dipalingkan mayat menghadap ke arah kiblat dengan meletakkannya berbaring di atas lambung kanan.

Mayat lelaki diletak ke dalam kuburnya oleh orang lelaki tanpa batas bilangan dan orang yang lebih utama mengkebumikannya ialah orang yang *awla* (lebih utama) menyembahyangkannya daripada kalangan keluarganya. Mayat perempuan diletak oleh suaminya atau m u h r i m n y a i a t u o r a n g y a n g h a l a l m e l i h a t n y a s e m a s a h i d u p d a n y a n g b o l e h m e n e m a n i n y a s e m a s a m u s a f i r . J i k a t i d a k a d a s u a m i a t a u m a h r a m , h e n d a k l a h d i l a k u k a n o l e h p e r e m p u a n a n d j i k a t i d a k a d a p e r e m p u a n , h e n d a k l a h d i l a k u k a n o l e h o r a n g m u k m i n y a n g s o l e h d a r i p a d a k a l a n g a n o r a n g t u a - t u a y a n g b e r u p a y a m e n g k e b u m i k a n n y a <sup>88</sup>.

Sunat dibantalkan kepalanya dengan ketul-ketul tanah atau batu atau sebagainya. Tidak patut dihampar di bawah mayat dengan sebarang hamparan, bantal, kain, pakaian atau tikar. Ini berdasarkan kepada riwayat 'Umar r.a. bahawa beliau berkata "apabila kamu menurunkan aku ke dalam liang lahad, rapatkan pipiku ke tanah". Abū Mūsā r.a. pula pernah menyebut "jangan meletak sebarang apapun di antara ku dengan tanah". Sa'd bin Abī Waqqāṣ pula menyebut "buatlah terhadapku sebagaimana kamu buat

terhadap Rasulullah s.a.w., letakkan ketul-ketul tanah di atasku dan curahkan tanah ke atas ku”.

Kemudian bolehlah ditimbus kubur tersebut dan dinaikkan tanahnya kadar  
sejengkal dan diletakkan batu di atasnya sebagai tanda.

<sup>1</sup> Syams al-Din Muhammad bin Ahmad Al-Syarbini al-Khatib (1996), *al-Iqna' fi Halli Alfaz Abi Syuja'*, j. 1. c. 1, Kaherah : Dar al-Salam, h. 282-287.

Lihat juga *Mughni al-Muhtaj* tulisan al-Syarbini al-Khatib (1995), j. 1. c. ulangan, Beirut : Dar al-Fikr, h. 451.

Lihat juga Abi Zakariyah Yahya bin Syarif al-Nawawi (1992), *Rawdah al-Talibin*, j. 1. c. 1. Beirut : Dar al-Kitab al-Ilmiyyah, h. 612-613.

Sayyid Sabiq (1998), *Fiqh al-Sunnah*, j. 1. c. 21. Kaherah : Dar al-Fatih Lil I'lâm al-'Arabi, h. 264

<sup>2</sup> Taqiy al-Din Abi Bakr bin Muhammad al-Husaini (1995), *Kitaib al-Akhbar Fi Halli Ghayah al-Ikhtisar*, c. 2. Beirut : Dar al-Khayr, h. 160.

<sup>3</sup> *Ibid.*

<sup>4</sup> Abi al-Taiyib Muhammad Syams al-Haq al-'Adzim Abadi (1990), *'Aun al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Daud*, j. 8. c. 1. Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 283, no. hadith 3133, bab *al-janazah*.

<sup>5</sup> Ahmad bin Ali bin Hajar al-'Asqalani (1993), *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, j. 3. c. 1. Beirut : Dar al-Fikr, h. 574, no. hadith 1346, bab *al-janazah*.

<sup>6</sup> Wahbah al-Zuhayli (Dr.) (1989), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, j. 2. c. 3. Beirut : Dar al-Fikr, h. 454 al-Syarbini (1996), *op.cit.*, h. 448-450, al-Nawawi (1992), *op.cit.*, h. 611-613.

<sup>7</sup> al-Zuhayli (1989), *ibid.*, h. 454.

<sup>8</sup> al-Nawawi (1992), *op.cit.*, h. 611-612.

<sup>9</sup> Abd. Al-Rahman al-Jaziri (1990), *Kitab al-Fiqh 'Ala Mazahib al-Arba'ah*, j. 1. c. baru, Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 456.

<sup>10</sup> al-Zuhayli (1989), *op.cit.*, h. 455.

<sup>11</sup> *Ibid.*, h. 457.

Sayyid Sabiq (1998), *op.cit.*, h. 263.

Syam al-Din al-Sarakhsyi (1993), *al-Mabsut*, j. 2. Beirut : Dar al-Ma'rifah, h. 58

Abi al-Mawhib Abd. Al-Wahhab al-Syra'ani (t.t), *al-Mizan al-Kubra*, j. 1. c. 1. Beirut : Dar al-Fikr, h. 218.

<sup>12</sup> Al-Jaziri (1990), *op.cit.*, h. 457-458.

<sup>13</sup> Sayyid Sabiq (1998), *op.cit.*, h. 264.

<sup>14</sup> *Ibid.*, h. 264.

<sup>15</sup> al-Syarbini (1996), *op.cit.*, h. 451, al-Nawawi (1992), *op.cit.*, h. 613, al-Sarakhsyi (1993), *op.cit.*, h. 58

<sup>16</sup> Al-Jaziri (1990), *op.cit.*, h. 458, al-Sarakhsyi (1993), *op.cit.*, h. 58, al-Syra'ani (t.t), *op.cit.*, h. 219

<sup>17</sup> Al-Nawawi (1992), *op.cit.*, h. 613.

<sup>18</sup> *Ibid.*, h. 615, al-Sarakhsyi (1993), *op.cit.*, h. 59, al-Syra'ani (t.t), *op.cit.*, h. 220

<sup>19</sup> Al-'Asqalani (1993), *op.cit.*, h. 470, no. hadith 1255.

Lihat juga Abi Zakariyah Yahya bin Syarif al-Nawawi (t.t), *Syarh Sahih Muslim*, j. 7. Kaherah : al-Maktabah al-Taufiqiyah, h. 5, no. hadith 42, bab *al-janazah*.

Lihat juga Abi al-Ula Muhammad 'Abd. al-Rahman bin 'Abd. al-Rahim al-Mubarakfuri (1995), *Tulbah al-Ahwazi*, j. 4. c. ulangan, Beirut : Dar al-Fikr, h. 28, no. hadith 990, bab *al-janazah*.

Abādī (1990), *op.cit.*, h. 292, no. hadith 3134.

Lihat juga Abī 'Abd. Allāh Muhammād b. Yāzid al-Qazwīnī (t.t), *Sunan Ibn Mājah*, semakan oleh Muhammād Fu'ād Abd. Al-Bāqī, j. 1. c. 1. Kaherah : Dār al-Bayān Li al-Turāth, h. 469, hadith no. 1459, bab *al-janāzah*.

Imām al-Suyūtī dan al-Sindī (1999), *Sunan al-Nāṣā'i*, semakan oleh Dr. al-Sayyid Muhammād Sayyid, Ustāz Ali Muhammād Ali, al-Ustādh Sayyid 'Imrān, j. 2. Kaherah : Dār al-Hadīth, h. 459, hadith no. 1883, bab *al-janāzah*.

<sup>20</sup> Al-Jazīrī (1990), *op.cit.*, h. 462, al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, h. 465, al-Sya'rānī (t.t), *op.cit.*, h. 220

<sup>21</sup> al-Zuhaylī (1989), *ibid.*, h. 465, al-Sarakhsyī (1993), *op.cit.*, h. 5

<sup>22</sup> Ibn Rusyd (1990), *Bidāyah al-Mujtahid*. M.A Abdul Rahman dan A. Haris Abdullah (terj.), j. 1. c. 1. Kuala Lumpur : Darul Fikr, h. 476.

<sup>23</sup> al-Nawawī (1992), *Rawḍah*, *op.cit.*, h. 616, al-Sarakhsyī (1993), *op.cit.*, h. 59

<sup>24</sup> Sayyid Sābiq (1998), *op.cit.*, h. 266.

<sup>25</sup> Al-'Asqalānī (1993), *op.cit.*, h. 475, hadith no. 1263, al-Nawawī, *Syarḥ Sahīb Muslim* (t.t), *op.cit.*, h. 5, hadith no. 41, al-Mubārakafūrī (1995), *op.cit.*, h. 27, hadith no. 990, Abādī (1990), *op.cit.*, h. 289, hadith no. 3140, al-Suyūtī dan al-Sindī (1999), *op.cit.*, h. 460, hadith no. 1884  
Lihat juga al-Syaukānī, *Nail al-Aufār* (1993), semakan oleh 'Ishām al-Dīn al-Šabābijī, j. 4. c. 1. Kaherah : Dār al-Hadīth, h.39, hadith no. 1385, bab *al-janāzah*..

<sup>26</sup> Ibn Rusyd (1990), *op.cit.*, h. 477.

Lihat juga al-Jazīrī (1990), *op.cit.*, h. 460.

<sup>27</sup> Al-Nawawī (1992), *Rawḍah*, *op.cit.*, h. 616, al-Sya'rānī (t.t), *op.cit.*, h. 218.

<sup>28</sup> *Ibid.*

<sup>29</sup> Sayyid Sābiq (1998), *op.cit.*, h. 265.

<sup>30</sup> Al-'Asqalānī (1993), *op.cit.*, h. 464, hadith no. 1253, al-Qazwīnī (t.t), *op.cit.*, h. 468, hadith no. 1458, al-Suyūtī dan al-Sindī (1999), *op.cit.*, h. 458, hadith no. 1880

<sup>31</sup> Al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, h. 467.

<sup>32</sup> Ibn Rusyd (1990), *op.cit.*, h. 471, al-Sya'rānī (t.t), *op.cit.*, h. 219.

<sup>33</sup> Al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, h. 459-460.

<sup>34</sup> Al-Nawawī (1992), *Rawḍah*, *op.cit.*, h. 617-618.

<sup>35</sup> Zayn al-'Ābidīn b. Muhammād al-Faṭānī (t.t), *Kasyf al-Lithām 'An As'ilati al-Ānām*, j. 1. Kaherah : Dār Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, h. 72.

<sup>36</sup> Al-Nawawī (1992), *Rawḍah*, *op.cit.*, h. 623, Sayyid Sābiq (1998), *op.cit.*, h. 268, al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, h. 471.

<sup>37</sup> Al-'Asqalānī (1993), *op.cit.*, h. 477, hadith no. 1265.

<sup>38</sup> *Ibid.*, h. 476.

Abādī (1990), *op.cit.*, h. 295, hadith no. 1263, al-Mubārakafūrī (1995), *op.cit.*, h. 35, hadith no. 996, al-Nawawī (t.t.), *Syarḥ Sahīḥ Muslim*, *op.cit.*, h. 7, hadith no. 941, Al-Suyūṭī dan al-Sindi (1999), *op.cit.*, h. 465, hadith no. 1897, al-Qazwūnī (t.t.), *op.cit.*, h. 472, hadith no. 1469

<sup>39</sup> al-Zuhaylī (1989), *ibid.*, h. 471-472.

Al-Nawawī (1992), *Rawḍah*, *op.cit.*, h. 265-266, al-Sya'rānī (t.t.), *op.cit.*, h. 222.

<sup>40</sup> Al-Syarbīnī (1996), *al-Iqna'*, *op.cit.*, h. 457.

<sup>41</sup> Al-Nawawī (1992), *Rawḍah*, *op.cit.*, h. 623, al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, h. 472, al-Husainī (1995), *op.cit.*, h. 162, al-Fatānī (t.t.), *op.cit.*, h. 72, al-Sya'rānī (t.t.), *op.cit.*, h. 221,  
Lihat juga Syihāh al-Din al-Qalyūbī dan 'Umairah (t.t.), *Qalyūbī wa 'Umayrah*, j. 1. Kaherah : Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, h. 327.

<sup>42</sup> Al-Sarakhsyī (1993), *op.cit.*, h. 60.

<sup>43</sup> Al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, h. 476, al-Nawawī (1992), *Rawḍah*, *op.cit.*, h. 625-626, al-Syarbīnī (1995), *Mughnī al-Muḥtaṣī*, *op.cit.*, h. 459, al-Husainī (1995), *op.cit.*, h. 162, al-Fatānī (t.t.), *op.cit.*, h. 73, al-Qalyūbī dan 'Umayrah (t.t.), *op.cit.*, h. 327.

<sup>44</sup> al-Zuhaylī (1989), *ibid.*, h. 476-477, al-Nawawī (1992), *Rawḍah*, *op.cit.*, h. 627, al-Syarbīnī (1995), *Mughnī al-Muḥtaṣī*, *op.cit.*, h. 460, al-Qalyūbī dan 'Umayrah (t.t.), *op.cit.*, h. 327.

<sup>45</sup> Al-Nawawī (1992), *Rawḍah*, *op.cit.*, h. 623, al-Syarbīnī (1995). *Mughnī al-Muḥtaṣī*, *op.cit.*, h. 459, al-Husainī (1995), *op.cit.*, h. 162, al-Qalyūbī dan Umayrah (t.t.), *op.cit.*, h. 327, al-Sarakhsyī (1993), *op.cit.*, h. 72.

<sup>46</sup> Al-Mubārakafūrī (1995), *op.cit.*, h. 34, hadith no. 994, Al-Suyūṭī dan al-Sindi (1999), *op.cit.*, h. 465, hadith no. 1895.

<sup>47</sup> Al-Husainī (1995), *op.cit.*, h. 162, al-Fatānī (t.t.), *op.cit.*, h. 73.

<sup>48</sup> Al-Nawawī (t.t.), *Syarḥ Sahīḥ Muslim*, *op.cit.*, h. 10, hadith no. 943, al-Mubārakafūrī (1995), *op.cit.*, h. 35, hadith no. 995, Abādī (1990), *op.cit.*, h. 295, hadith no. 3146, Al-Suyūṭī dan al-Sindi (1999), *op.cit.*, h. 464, hadith no. 1894, al-Qazwūnī (t.t.), *op.cit.*, h. 473, hadith no. 1474

<sup>49</sup> Al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, h. 479-480, Abādī (1990), *op.cit.*, h. 298, hadith no. 3152.

<sup>50</sup> Al-Zuhaylī (1989), *ibid.*, h. 481, al-Nawawī (1992), *Rawḍah*, *op.cit.*, h. 631, al-Husainī (1995), *op.cit.*, h. 162, al-Sarakhsyī (1993), *op.cit.*, h. 222

<sup>51</sup> Al-Nawawī (1992), *Rawḍah*. *ibid.*, h. 632.

<sup>52</sup> Al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, h. 481.

<sup>53</sup> Al-Zuhaylī (1989), *ibid.*, h. 491-493, al-Nawawī (1992), *Rawḍah*, *op.cit.*, h. 638-640, al-Syarbīnī (1995), *Mughnī al-Muḥtaṣī*, *op.cit.*, h. 463-465, , al-Husainī (1995), *op.cit.*, h. 162, al-Sya'rānī (t.t.), *op.cit.*, h. 224-225

<sup>54</sup> Al-'Asqalānī (1993), *op.cit.*, h. 562, hadith no. 1333, al-Nawawī (t.t.), *Syarḥ Sahīḥ Muslim*, *op.cit.*, h. 19, hadith no. 951, Al-Suyūṭī dan al-Sindi (1999), *op.cit.*, h. 513, hadith no. 1979

<sup>55</sup> Al-'Asqalānī (1993), *ibid.*, h. 563, hadith no. 1335.

<sup>56</sup> Abādī (1990), *op.cit.*, h. 344, hadith no. 3197, al-Syaukānī (1993), *op.cit.*, h. 77, al-Qazwūnī (t.t), *op.cit.*, h. 480, hadith no. 1497

<sup>57</sup> Al-Nawawī (t.t), *Syarḥ Sahīḥ Muslim*, *op.cit.*, h. 27, hadith no. 963.

<sup>58</sup> Abādī (1990), *op.cit.*, h. 345, hadith no. 3199, al-Mubārakafūrī (1995), *op.cit.*, h. 63, hadith no. 1024, al-Qazwūnī (t.t), *op.cit.*, h. 480, hadith no. 1498

<sup>59</sup> Al-Syarbīnī (1995), *Mughnī al-Muhtaj*, *op.cit.*, h. 467, al-Nawawī (1992), *Rawḍah*, *op.cit.*, h. 642.

<sup>60</sup> Al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, h. 493- 494.

<sup>61</sup> Al-Nawawī (t.t), *Syarḥ Sahīḥ Muslim*, *op.cit.*, h. 16, hadith no. 948.

<sup>62</sup> Abādī (1990), *op.cit.*, h. 311, hadith no. 3164, al-Qazwūnī (t.t), *op.cit.*, h. 478, hadith no. 1490

<sup>63</sup> Al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, h. 496.

<sup>64</sup> Al-'Asqalānī (1993), *op.cit.*, h. 561, hadith no. 1332, al-Nawawī (t.t), *Syarḥ Sahīḥ Muslim*, *op.cit.*, h. 28, hadith no. 964, Abādī (1990), *op.cit.*, h. 341, hadith no. 3193, al-Mubārakafūrī (1995), *op.cit.*, h. 81, hadith no. 1035.

<sup>65</sup> Al-Syaukānī (1993), *op.cit.*, h. 81.

<sup>66</sup> Al-Nawawī (1992), *Rawḍah*, *op.cit.*, h. 647, al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, h. 519.

<sup>67</sup> Al-Zuhaylī (1989), *ibid.*, h. 520-526.

<sup>68</sup> Al-Nawawī (1992), *Rawḍah*, *op.cit.*, h. 647, al-Husainī (1995), *op.cit.*, h. 164., al-Syarbīnī (1995), *Mughnī al-Muhtaj*, *op.cit.*, h. 477.

<sup>70</sup> Abādī (1990), j. 9. *op.cit.*, h. 25 hadith no. 3213, Al-Suyūtī dan al-Sindī (1999), *op.cit.*, h. 526, hadith no. 2009

<sup>71</sup> Al-Nawawī (1992), *Rawḍah*, *op.cit.*, h. 648, al-Husainī (1995), *op.cit.*, h. 164, al-Syarbīnī (1995), *Mughnī al-Muhtaj*, *op.cit.*, h. 478.

<sup>72</sup> Al-Nawawī (1992), *Rawḍah*, *ibid.*, h. 648, al-Husainī (1995), *ibid.*, h. 164, al-Syarbīnī, (1995), *Mughnī al-Muhtaj*, *ibid.*, h. 479, al-Sarakhsyī (1993), *op.cit.* h. 61.

<sup>73</sup> Abādī (1990), j. 9. *op.cit.*, h. 18, hadith no. 3206, al-Mubārakafūrī (1995), *op.cit.*, h. 98, hadith no. 1045, al-Suyūtī dan al-Sindī (1999), *op.cit.*, h. 525, hadith no. 2008, al-Qazwūnī (t.t), *op.cit.* h. 496, hadith no. 1555.

<sup>74</sup> Al-Nawawī (1992), *Rawḍah*, *op.cit.*, h. 650, al-Husainī (1995), *op.cit.*, h. 164, al-Syarbīnī (1995), *Mughnī al-Muhtaj*, *op.cit.*, h. 479.

<sup>75</sup> Al-Nawawī (1992), *Rawḍah*, *ibid.*, h. 651, al-Sarakhsyī (1993), *op.cit.*, h. 61.

<sup>76</sup> Al-Nawawī (t.t), *Syarḥ Sahīḥ Muslim*, *op.cit.*, h. 30, hadith no. 966.

<sup>77</sup> Al-Nawawī (1992), *Rawḍah*, *op.cit.*, h. 652, al-Syarbīnī (1995), *Mughnī al-Muhtaj*, *op.cit.*, h. 479.

<sup>78</sup> Al-Nawawi<sup>†</sup> (1992), *Rawdah*, *ibid.*, h. 652, al-Syarbini<sup>†</sup> (1995), *Mughnī al-Muhtāj*, *op.cit.*, h. 479, al-Husaini<sup>†</sup> (1995), *op.cit.*, h. 164.

<sup>79</sup> Al-Nawawi<sup>†</sup> (t.t), *Syarḥ Sahīḥ Muslim*, *op.cit.*, h. 32, keterangan terhadap hadith no. 968, al-Mubārakafūri<sup>†</sup> (1995), *op.cit.*, h. 104, keterangan terhadap hadith no. 1049.

<sup>80</sup> Al-Syarbini<sup>†</sup> (1995), *Mughnī al-Muhtāj*, *op.cit.*, h. 480. Al-Nawawi<sup>†</sup> (1992), *Rawdah*, *op.cit.*, h. 652, al-Sarakhsy<sup>†</sup> (1993), *op.cit.*, h. 62.

<sup>81</sup> Al-Husaini<sup>†</sup> (1995), *op.cit.*, h. 164.

<sup>82</sup> Al-Nawawi<sup>†</sup> (t.t), *Syarḥ Sahīḥ Muslim*, *op.cit.*, h. 33, hadith no. 970.

<sup>83</sup> Al-Syaukāni<sup>†</sup> (1993), *op.cit.*, h. 103, hadith no. 1472

<sup>84</sup> *Ibid.*

<sup>85</sup> Al-Zuhayli<sup>†</sup> (1989), *op.cit.*, h. 532-534.

<sup>86</sup> Al-Syarbini<sup>†</sup> (1995), *Mughnī al-Muhtāj*, *op.cit.*, h. 478.

<sup>87</sup> Al-Mubārakafūri<sup>†</sup> (1995), *op.cit.*, h. 99, hadith no. 1046, al-Qazwūni<sup>†</sup> (t.t), *op.cit.*, h. 494, hadith no. 1550, al-Sarakhsy<sup>†</sup> (1993), *op.cit.*, h. 61.

<sup>88</sup> Al-Syarbini<sup>†</sup> (1995), *Mughnī al-Muhtāj*, *op.cit.*, h. 478, al-Nawawi<sup>†</sup> (1992), *Rawdah*, *op.cit.*, h. 648-649.